

Novel Sejambak Bakti

Sinopsis Keseluruhan (Novel Tingkatan 1)

Novel ini mengisahkan usaha murid dan guru Koperasi Sekolah Menengah Teknik Pertanian Seri Kayangan untuk membangunkan koperasi sekolah mereka. Harun, Swee Lan dan Saridevi sedang bertugas di koperasi sekolah sebelum loceng untuk sesi pembelajaran berlangsung. Semasa sedang sibuk melayan pelanggan, seorang daripada murid yang berasak-asak di situ cuba mengambil sebatang pen tanpa membayarnya. Kehadiran Cikgu Zulkifli menamatkan perbualan mereka. Cikgu Zulkifli datang membawa surat panggil Mesyuarat Lembaga Pengarah untuk kali pertama pada tahun tersebut.

Dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah kali pertama pada petang itu, sebanyak sebelas orang murid dan empat orang guru telah dilantik sebagai ahli lembaga pengarah. Cikgu Syamsudin, iaitu pengetua sekolah sebagai pengerusinya. Mesyuarat tersebut turut dihadiri oleh pegawai daripada Jabatan Pembangunan Koperasi. Razali telah terpilih sebagai penolong setiausaha.

Konflik bermula apabila Munir berasa cemburu dengan pelantikan Razali sebagai penolong setiausaha. Mulai saat itu Munir, Leong, dan Selvam sering tidak hadir bertugas. Munir sentiasa cuba untuk rapat dengan Ramlah. Namun begitu, cubaan untuk memberi surat dan mengajak Ramlah menonton wayang gagal. Hal ini demikian, kerana Ramlah sangat rapat dengan Razali. Sikap Munir yang sering mengganggu pelajar perempuan dan tidak hadir bertugas telah dirujuk kepada guru kaunseling sekolah. Akibat daripada peristiwa tersebut, Munir telah menumbuk Razali sehingga berdarah. Perbuatan tersebut menyebabkan Munir dihukum rotan oleh pengetua. Razali juga terpilih untuk menghadiri kursus koperasi bersama-sama dengan wakil koperasi-koperasi sekolah seluruh Malaysia. Hal ini menambahkan lagi rasa cemburu Munir terhadap Razali.

Dua minggu sebelum hakim pertandingan koperasi terbaik sekolah-sekolah datang mengadili pertandingan tersebut, seluruh warga Sekolah Menengah Teknik Pertanian Seri Kayangan dikejutkan dengan berita koperasi sekolah mereka telah diceroboh. Barang-barang dalam koperasi telah dipungkah, barangan yang ada berselerakan dan wang koperasi sebanyak RM 200.00 turut dicuri. Pihak polis telah dipanggil untuk melakukan siasatan. Razali dan Cikgu Zulkifli telah dibawa ke balai polis untuk membantu siasatan. Hal ini demikian kerana tiada sebarang tanda-tanda bilik tersebut dipecahkan dan hanya Razali seorang sahaja yang memiliki kunci tersebut, manakala kunci di bilik pengetua tidak terusik. Kejadian tersebut menyebabkan ayah tiri Razali berasa malu sehingga sanggup menghalanya keluar dari rumah.

Penjenayah tersebut berjaya dikesan setelah pencerobohan dilakukan untuk kali yang kedua. Munir terperangkap kerana memiliki sekeping wang kertas RM10.00 yang bertanda 'K'. Dia dihukum tiga kali sebatan di hadapan tapak perhimpunan dan digantung sekolah selama seminggu. Suasana menjadi bertambah pilu apabila Munir sendiri meminta maaf kepada Razali dan mereka berpelukan sambil diiringi air mata yang berderaian. Razali dan Munir, akhirnya menjadi sahabat baik.

Masa terus berlalu, tiga orang hakim Pertandingan Koperasi Sekolah-Sekolah dari ANGKASA telah datang menghakimi koperasi sekolah mereka. Berdasarkan penilaian ketiga-tiga hakim tersebut koperasi sekolah mereka telah diumumkan sebagai johan dalam pertandingan yang dianjurkan oleh pihak ANGKASA. Persoalan tentang ayah Razali yang sebenar turut terungkai semasa majlis penerimaan piala kemenangan tersebut.

TEMA :

Tema novel ini ialah kegigihan sekumpulan remaja memajukan kedai koperasi sekolah. Hal ini dibuktikan menerusi watak Razali yang bertugas sebagai Penolong Setiausaha. Dia dibantu oleh Ramlah, Harun, Swee Lan, dan Saridevi sehingga koperasi sekolah mereka diumumkan sebagai koperasi terbaik di peringkat kebangsaan. Walaupun mendapat cabaran seperti kedai koperasi diceroboh sebanyak dua kali, namun mereka tetap bersiap siaga dengan dibantu oleh Cikgu Zulkifli untuk memastikan koperasi mereka boleh menyertai pertandingan.

PERSOALAN :

1. Setia kawan dalam menjalani kehidupan remaja

- contoh Ramlah tetap menyokong dan memberi semangat ketika Razali menghadapi dugaan seperti dituduh mencerooboh kedai koperasi.

2. Perasaan dendam menyebabkan hilang pertimbangan akal

- contohnya Munir yang mendendami Razali gara-gara tidak dapat menjalinkan hubungan dengan Ramlah sehinggakan sanggup memukul dan memfitnah Razali mencerooboh koperasi sekolah.

3. Menyimpan rahsia kerana takut kehilangan orang yang disayangi

- contohnya Mak Sopiah sanggup merahsiakan ayah kandung Razali kerana tidak mahu anaknya itu meninggalkannya kelak jika Razali mengetahui ayah kandungnya yang sebenar.

4. Pengaruh rakan sebaya yang boleh merosakkan hidup remaja

- contohnya Silvam dan Leong mengikut sahaja kata-kata Munir supaya membelasah Razali menyebabkan mereka berdua dijatuhi hukuman rotan oleh pengetua.

LATAR TEMPAT :

1. Kedai Koperasi Sekolah Menengah Teknik Pertanian Seri Kayangan

- iaitu sebuah bilik yang menjual beraneka barang untuk kegunaan murid. Di tempat itulah Razali dan rakan-rakan bertugas menjaga dan menguruskan kedai sehinggalah koperasi tersebut terpilih sebagai koperasi terbaik di peringkat kebangsaan.

2. Rumah di pinggir sawah

- iaitu rumah keluarga Razali yang didiami oleh ibunya, Mak Sopiah dan bapa tirinya, Pak Zakaria.

3. Maktab Kerjasama Malaysia, Petaling Jaya

- iaitu sebuah tempat yang dikunjungi oleh Razali selama seminggu untuk mendalami ilmu yang berkaitan dengan koperasi.

4. Sebuah pondok di tengah sawah

- iaitu tempat yang selalu dikunjungi oleh Razali untuk mengulang kaji pelajaran secara sendirian atau bersama dengan rakan-rakannya.

NILAI MURNI :

1. Kasih sayang

- contohnya dapat dilihat menerusi sikap penyayang Razali terhadap ibunya apabila dia segera memeluk Mak Sopiah ketika ibunya itu menangis setelah didesak menceritakan tentang ayahnya.

2. Kerjasama

- contohnya Ahli Lembaga Pengarah Koperasi Sekolah bersama-sama mengemas dan mencantikkan kedai koperasi untuk memastikan kedai koperasi mereka berjaya meraih kejuaraan dalam pertandingan koperasi terbaik peringkat kebangsaan.

3. Baik hati

- contohnya Razali tidak berdendam terhadap Munir, walaupun Munir telah menfitnahnya mencerooboh kedai koperasi, sebaliknya dia sanggup membantu Munir meningkatkan prestasi dalam pelajaran sepanjang Munir digantung persekolahan selama seminggu.

4. Rasional

- contohnya pihak sekolah tidak menuduh mana-mana pihak yang mencerooboh kedai koperasi sekolah, sebaliknya menyerahkan kepada pihak polis untuk menyiasat dan seterusnya membuat pemeriksaan mengejut untuk mengetahui pelaku penceroboh yang sebenarnya.

WATAK UTAMA DAN PERWATAKAN

Watak Utama : Razali

- Anak kepada Mak Sopiah dan anak tiri kepada Pak Zakaria.
- Sebagai penolong setiausaha lembaga pengarah Koperasi sekolah, Razali sentiasa menjalankan tugasnya dengan amanah.
- Sebagai pelajar, Razali sangat rajin dan belajar bersungguh-sungguh. Dia sering mengulang di pondok yang terletak di tengah sawah.
- Razali suka membantu. Contohnya dia telah membantu Ramlah, Swee Lan, dan Saridevi dalam pelajaran.
- Razali sayang dan hormat kepada ibunya. Contohnya walaupun sangat ingin mengetahui keadaan ayah kandungnya, Razali tidak sanggup menyakiti hati ibunya semasa ibunya enggan memberitahukan ayahnya.
- Razali bersikap sedia memaafkan. Contohnya ketika Munir meminta maaf kepadanya, Razali segera bersalam dengannya dan memeluk badan Munir sebagai tanda memaafkan segala kesalahan Munir terhadapnya.
- Razali bersikap ikhlas. Dia sanggup menerima Munir sebagai sahabat walaupun Munir pernah memukulnya dan membuat fitnah terhadapnya, malahan sanggup membantu Munir dalam pelajaran setelah Munir insaf akan kesalahannya.

WATAK SAMPINGAN DAN PERWATAKAN

1. Munir

- Munir berasal daripada keluarga yang berada.
- Munir ialah salah seorang ahli lembaga pengarah koperasi sekolah.
- Munir bersikap sombong dan angkuh.
- Munir suka memacu motosikal di jalan raya.
- Munir ialah ahli lembaga pengarah yang tidak bertanggungjawab. Contohnya dia sanggup ponteng dalam tugas di kedai koperasi sekolah dan bermain bola di padang.
- Munir bersikap pendendam dan iri hati. Contohnya dia cemburu apabila melihat Ramlah sering bersama dengan Razali. Dia sanggup memukul Razali di tengah jalan ke rumah. Dia juga membuat fitnah bahawa Razali telah mencerobohi kedai koperasi. Bagaimanapun Munir telah insaf akan kesalahan dirinya setelah dirotan di depan perhimpunan. Dia telah meminta maaf kepada Razali dan keluarga Razali.

2. Mak Sopiah

- Ibu kepada Razali dan isteri kepada Pak Zakaria.

– Bekas isteri kepada Pak Ramli. Dia telah bercerai dengan Pak Ramli 16 tahun yang lalu, iaitu semasa Razali baru berumur satu tahun.

– Mak Sopiah bersikap penyayang. Dia sangat sayang akan anaknya Razali. Sebagai contoh, dia sangat membela Razali malah mengikut Razali keluar dari rumah jika suaminya hendak menghalau Razali keluar dari rumah itu. Dia tidak mahu memberitahu keadaan ayah kandung Razali kepada Razali kerana tidak mahu Razali meninggalkannya.

– Mak Sopiah seorang yang mesra. Contohnya dia melayani kawan-kawan Razali dengan ramah-tamah dan menghidangkan minuman dan pisang goreng untuk mereka.

3. Cikgu Zulkifli

– Cikgu Zulkifli ialah guru yang bertanggungjawab terhadap Koperasi Sekolah.

– Sebagai salah seorang ahli lembaga pengarah, Cikgu Zulkifli sentiasa memberikan perhatian dan bantuan untuk memajukan kegiatan koperasi sekolah.

– Cikgu Zulkifli ialah seorang guru yang dedikasi dan bertanggungjawab. Beliau sanggup mengorbankan masa dan tenaga untuk menguruskan perniagaan kedai koperasi dan projek ternakan ayam telur di sekolah itu.

– Cikgu Zulkifli ialah seorang guru yang mengambil berat terhadap pelajaran dan tingkah laku pelajar. Contohnya dia sentiasa memberikan nasihat kepada Munir supaya bersikap positif terhadap pelajar dan tugas dalam koperasi sekolah.

4. Cikgu Syamsudin

– Cikgu Syamsudin merupakan pengetua Sekolah Menengah Teknik Pertanian Seri Kayangan.

– Cikgu Syamsudin bersikap tegas dan sentiasa mengambil berat akan disiplin pelajar. Oleh itu beliau sanggup mengambil keputusan untuk merotan dan merotan di hadapan perhimpunan pelajar terhadap Munir yang sering melanggar peraturan sekolah. Beliau berbuat demikian demi meningkatkan disiplin pelajar.

– Cikgu Syamsudin sentiasa prihatin terhadap kokurikulum pelajar. Contohnya, beliau memberikan sokongan yang sepenuh terhadap kegiatan koperasi sekolah dan penyertaan Pertandingan Koperasi Sekolah-sekolah.

5. Pak Zakaria

– Pak Zakaria ialah bapa tiri kepada Razali dan suami kepada Mak Sopiah.

– Pak Zakaria bersikap prejudis. Contohnya, dia sering menganggap bahawa anak tirinya bersikap sombong dan angkuh. Semasa melihat keadaan Razali yang telah dipukul, dia terus mendakwa bahawa Razali suka bergaduh dengan orang lain. Apabila diberitahu oleh Munir dan Leong, Pak Zakaria terus mempercayai kata-kata mereka, iaitu Razali telah mencerobohi kedai koperasi dan mencuri wang di

dalam kedai koperasi itu. Tanpa usul periksa, Pak Zakaria hendak menghalau Razali keluar dari rumah.

– Pak Zakaria bersifat pemaaf. Dia terus memaafkan Munir apabila Munir meminta maaf atas kesalahannya yang memfitnah Razali sehingga nama keluarga mereka terjejas.

6. Ramlah

– Ramlah seorang gadis yang bersikap sopan dan lemah lembut. Keayuannya telah memikat hati Munir. –

– Sebagai ahli lembaga pengarah koperasi sekolah, Ramlah aktif menjalankan tugasnya dengan penuh tanggungjawab.

– Ramlah ialah seorang pelajar yang suka membantu orang. Contohnya dia telah membantu Razali untuk membuat minit mesyuarat lembaga pengarah koperasi sekolah.

– Ramlah ialah seorang pelajar yang tekun dalam pelajaran. Oleh itu, dia dan Swee Lan serta Saridevi meminta Razali supaya dapat mengulang kaji pelajaran yang tidak difahami.

– Ramlah bersikap setia kawan. Contohnya dia percaya sepenuhnya terhadap Razali bahawa Razali tidak terlibat dalam kes kecurian dalam kedai koperasi sekolah.

LATAR MASA

Masa Pagi

- Ketika Razali dan beberapa orang kawan membuka pintu kedai koperasi, mereka terkejut kerana kedai koperasi mereka telah dicerobohi orang. Semua barangan jual bertaburan di lantai. RM200 yang disimpan di dalam laci meja juga dicuri orang. Mereka segera melaporkan peristiwa itu kepada Cikgu Zulkifli.
- Koperasi Sekolah Menengah Teknik Pertanian Seri Kayangan telah menenangi johan dalam Pertandingan Koperasi Sekolah-sekolah pada tahun itu. Razali telah mewakili sekolah untuk menerima piala itu.
- Razali dapat bertemu dengan bapa kandungnya, Pak Ramli pada waktu pagi.

Masa Petang

- Razali telah dipukul oleh Munir, Leong dan Silvam di tengah jalan setelah pulang dari sekolah. Razali tersungkur dan mukanya berdarah.
- Pak Zakaria hendak menghalau Razali keluar dari rumah setelah mendengar fitnah daripada Munir dan Leong.

Masa Malam

Satu lembaga hitam telah membuka pintu Kedai Koperasi Sekolah lalu masuk ke dalam kedai itu. Lembaga hitam sanggup memungkah kedai itu sehingga barang-barang di kedai itu besepah dan tunggang-langgang.

Latar Tempat

- (a) Di Koperasi Sekolah Menengah Teknik Pertanian Seri Kayangan.
- (b) Di bilik mesyuarat.
- (c) Di bandar Kangar.
- (d) Di pinggir sawah.
- (e) Di Kampung Serdang.
- (f) Di bilik pengetua.

Latar Masyarakat

- (a) Masyarakat yang gigih berusaha untuk memajukan koperasi sekolah.
- (b) Masyarakat yang terlibat dalam bidang keusahawanan dan penternakan.
- (c) Masyarakat yang masih mengamalkan sikap berdendam dan iri hati akan kejayaan orang lain.

- (d) Masyarakat yang taat pada perintah agama.
- (e) Masyarakat yang terlibat dalam bidang pertanian.
- (f) Masyarakat yang terlibat dalam bidang ketenteraan.

Plot – Teknik Plot

- (a) Imbas kembali. Contohnya, Pak Razali menceritakan hubungannya dengan Mak Sopiah di hadapan Cikgu Syamsudin, Encik Ali, dan Pak Zakaria ketika berada di bilik Cikgu Syamsudin.
- (b) Imbas muka. Contohnya, tujuan kursus koperasi tersebut diadakan adalah untuk mendedahkan generasi muda yang bakal memimpin koperasi negara kita tentang kepentingan penubuhan koperasi.
- (c) Pemerian. Contohnya, penulis menyatakan keadaan ketika berlangsungnya Mesyuarat Lembaga Pengarah Koperasi buat kali pertama diadakan pada tahun tersebut.
- (d) Monolog dalaman. Contohnya, Razali mengeluh di dalam hati tentang nasibnya yang begitu malang.

- (e) Kejutan. Contohnya, warga sekolah dikejutkan dengan kejadian kes pencerobohan koperasi sekolah.
- (f) Saspens. Contohnya, pembaca dan pelajar-pelajar tertanya-tanya tentang lembaga berwarna hitam yang kelihatan memanjat pintu pagar dan menuju ke arah kedai koperasi.

Plot – Binaan Plot

- (a) Permulaan – Pengarang memaparkan suasana pagi di Sekolah Menengah Teknik Pertanian Seri Kayangan. Harun, Swee Lan, dan Saridevi sedang bertugas di koperasi. Kehadiran Cikgu Zulkifli membawa surat untuk mengadakan Mesyuarat Lembaga Pengarah untuk kali pertama pada tahun tersebut.
- (b) Perkembangan – Mesyuarat Lembaga Pengarah untuk kali pertama diadakan pada petang di bilik mesyuarat. Sebelas orang murid dan empat orang guru telah dilantik sebagai ahli lembaga pengarah koperasi. Mesyuarat tersebut turut dihadiri oleh pegawai daripada Jabatan Pembangunan Koperasi. Razali telah terpilih sebagai penolong setiausaha.
- (c) Perumitan – Konflik bermula apabila Munir berasa cemburu dengan pelantikan Razali sebagai penolong setiausaha. Mulai saat itu Munir, Leong dan Selvam sering tidak hadir bertugas dan sentiasa cuba untuk rapat dengan Ramlah. Sikap Munir yang sering mengganggu pelajar perempuan dan tidak hadir bertugas telah dilaporkan kepada guru kaunseling sekolah iaitu Cikgu Muniam. Munir berdendam dengan Razali. Munir telah menumbuk Razali sehingga berdarah. Perbuatan tersebut menyebabkan Munir dihukum rotan oleh pengetua.

(d) Klimaks – Seluruh warga Sekolah Menengah Teknik Pertanian Seri Kayangan dikejutkan dengan berita koperasi sekolah mereka telah diceroboh. Wang koperasi sebanyak RM 200.00 turut dicuri. Pihak polis telah dipanggil untuk melakukan siasatan. Razali telah dibawa ke balai polis untuk membantu siasatan. Hal ini demikian kerana tiada sebarang tanda-tanda bilik tersebut dipecahkan dan hanya Razali seorang sahaja yang memiliki kunci tersebut. Kejadian tersebut menyebabkan ayah tiri Razali berasa malu sehingga sanggup menghalaunya keluar dari rumah.

(e) Peleraian – Penjenayah tersebut berjaya dikesan setelah pencerohan berlaku buat kali kedua. Munir terperangkap kerana memiliki wang kertas RM10.00 yang bertanda ‘K’. Dia dihukum tiga kali sebatan di hadapan tapak perhimpunan dan digantung sekolah selama seminggu. Koperasi sekolah turut diumumkan sebagai Johan dalam pertandingan yang dianjurkan oleh pihak ANGKASA. Persoalan tentang ayah Razali yang sebenar turut terungkai semasa majlis penerimaan piala kemenangan tersebut. Razali dan Munir, akhirnya menjadi sahabat baik.

Gaya Bahasa

(a) Personifikasi – Ketika matahari menumpahkan cahayanya yang lembut, Angin membelai-belai tubuhnya, Matahari sedang menyemarakkan cahayanya di dada langit, Daunnya melambai-lambai ditiup angin.

(b) Simile – Kakinya seperti terpaku di tanah, Dia rasa dirinya seperti sehelai daun kering yang melayang-layang ke sana ke mari tanpa berharga.

(c) Peribahasa – Janganlah kerana nila setitik menyebabkan rosak susu sebelanga, ada udang di sebalik batu, masakan tempua bersarang rendah, seperti isi dengan kuku.

(d) Bahasa Arab – Assalamualaikum, Waalaikumussalam.

(e) Sinkope – tak.

Pengajaran

(a) Kita perlulah cekal dalam mengharungi kehidupan yang penuh dengan cabaran.

(b) Kita perlulah bertanggungjawab dalam menjalankan tugas yang diamanahkan kepada kita.

(c) Ibu bapa mestilah menyayangi anak-anak walaupun anak tiri.

(d) Kita mestilah berani untuk menegakkan sesuatu kebenaran.

(e) Kita perlulah prihatin dalam membina persahabatan yang ikhlas.

(f) Kita mestilah bekerjasama untuk memajukan sesebuah organisasi.